

Kertas Bil. 10/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 OKTOBER, 2 – 6 NOVEMBER DAN
11 – 13 NOVEMBER 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERHUBUNG ISU PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
OLEH KERAJAAN NEGERI
KERTAS BILANGAN 85/2015**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(UP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
OLEH KERAJAAN NEGERI YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER
2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
85	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL OLEH KERAJAAN NEGERI	<p>5.1 Jawatankuasa menyarankan supaya hanya ada satu pihak sama ada PBT atau Kerajaan Negeri yang akan menjadi pembiaya atau 'paymaster'. Ini adalah kerana 'paymaster' tersebut hendaklah menjadi pihak yang akan bertanggungjawab untuk memantau prestasi, menerima aduan daripada penduduk dan wakil rakyat dan, jika perlu, menamatkan kontraktor tersebut. 'Paymaster' juga perlu bertanggungjawab ke atas segala masalah yang bakal timbul. Sekiranya Kerajaan Negeri mengambil alih tanggungjawab sebagai 'paymaster', Jawatankuasa merasakan adalah tidak wajar untuk mengharapkan pihak PBT menerima dan menyelesaikan segala aduan daripada pihak awam berkenaan pengurusan sisa pepejal.</p> <p>5.2 Jawatankuasa juga menyarankan supaya kadar bon perkhidmatan yang lebih tinggi (kadar yang sama dengan fi perkhidmatan selama tiga (3) bulan, sebagai contoh) dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor yang bakal dilantik. Bon perkhidmatan yang tinggi sangat penting untuk memastikan kontraktor-kontraktor melakukan tugas mereka dengan cekap dan sempurna.</p> <p>5.3 Merujuk kepada saranan 5.1, antara Kerajaan Negeri dan PBT, Jawatankuasa merasakan bahawa PBT perlu menjadi 'paymaster' tersebut bagi mengekalkan</p>			<p>Perkara-perkara yang disarankan telah diamalkan. Di peringkat pelaksanaan, cadangan mewujudkan Project Management Company (PMC) milikan Kerajaan Negeri sebagai pengurus bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pemberisihan awam secara bersepadu seterusnya berfungsi sebagai single paymaster kepada kontraktor telah dibawa dan dipersetujui oleh MMKN Ke-7/2016 pada 24 Februari 2016 dan disahkan oleh MMKN Ke8/2016 pada 2 Mac 2016. Melalui inisiatif ini, pelantikan kontraktor juga akan dilaksanakan oleh pihak PMC secara tawaran tender terbuka.</p> <p>Untuk melihat keberkesanannya inisiatif tersebut, Pilot Project akan terlebih dahulu dilaksanakan di Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebelum keputusan untuk memperluaskan inisiatif tersebut di PBT yang lain dibuat.</p> <p>Bagi perkara 5.2, nilai bon ditetapkan berdasarkan kepada peraturan kewangan semasa di bawah Pekeliling Perbendaharaan PK4 – Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan yang mana telah ditentukan nilai bon</p>

1


EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(UP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
OLEH KERAJAAN NEGERI YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENG GAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER
2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
		kawalan mereka terhadap kontraktor-kontraktor yang bakal dilantik.			pelaksanaan adalah seperti berikut:
5.4	Pihak UPEN perlu menyediakan satu spesifikasi minima yang perlu diikuti oleh pihak PBT. Spesifikasi minima tersebut juga perlu diselaraskan kepada semua PBT agar pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor adalah konsisten.				<ol style="list-style-type: none"> 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000; atau 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bernilai melebihi RM500,000
5.5	Sekiranya harga tender bagi kontrak baru tersebut adalah lebih tinggi daripada bajeit-bajeit yang lepas, perbezaan harga tersebut perlu dibayari oleh Kerajaan Negeri terutama bagi PBT-PBT yang kurang berkemampuan.				<p>Bagi perkara 5.4, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Garis Panduan Pelantikan Kontraktor di PBT melalui surat rujukan IPK.Sel.60196/8/1 Jld.25 (6) bertarikh 02 Jun 2015 sebagai asas Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) yang telah diselaraskan oleh MBSA dan merangkumi dua (2) aspek berikut, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Penyeragaman dokumen tender yang melibatkan spesifikasi perkhidmatan kutipan sampah, lori kompaktor, jenis premis, kekerapan kutipan, Notis Tindakan Pembetulan (NTP) dan Penamantan Kontrak dan Bill Of Quantities (BQ); dan Standard Operation Procedure (SOP) yang
5.6	PBT juga boleh menyediakan spesifikasi yang lebih tinggi daripada spesifikasi minimum yang telah ditetapkan sekiranya mereka mampu untuk melakukan sedemikian. Ini adalah kerana ia melibatkan kos yang lebih tinggi dan mereka perlu menanggung kos tambahan tersebut.				

EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(P-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
OLEH KERAJAAN NEGERI YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENG GAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER
2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/ Tindakan MMKN (jika ada)
	5.7	Jawatankuasa juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat menetapkan indeks prestasi utama atau 'KPI' yang perlu diikuti supaya prestasi kontraktor mencapai spesifikasi yang telah ditetapkan. KPI tersebut juga perlu menetapkan pada tahap mana kontraktor-kontraktor yang bermasalah perlu ditamatkan kontraknya. KPI ini perlulah ditetapkan dan dimaklumkan sebelum tender ditawarkan.			<p>melibatkan prosedur penyeliaan dan pemantauan kerja-kerja kutipan, prosedur siasatan dan tindakan aduan, prosedur arahan kerja <i>back up</i> bagi kutipan domestik, prosedur pengambilalihan, penyelenggaraan perkhidmatan kutipan domestik dan prosedur penamatan kontraktor kutipan sisa domestik.</p> <p>Bagi perkara 5.5, perkara ini diambil maklum dan perlu diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri.</p> <p>Bagi perkara 5.6, perkara ini juga diambil maklum dan dipanjangkan ke PBT atau PMC bagi konteks MPK.</p> <p>Bagi perkara 5.7, cadangan tersebut adalah dalam perhatian dan turut akan dipanjangkan untuk pelaksanaan sekiranya urusan kutipan diambil alih oleh PMC</p>



EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan